

11 SEP 1997

Mahathir-Selatan

BERSAMA TENTANG MANIPULASI, KATA DR M KEPADA NEGARA SELATAN

Oleh: Zulkefli Salleh

ULAN BATOR (Mongolia), 11 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menggesa negara membangun supaya mempertingkatkan kerjasama untuk menghadapi usaha oleh kuasa-kuasa luar yang hendak memperlahankan pertumbuhan ekonomi mereka.

Perdana Menteri berkata negara-negara Selatan, dalam usaha untuk memajukan ekonomi masing-masing, selalunya akan mendapati laluan yang mereka tempuhi penuh dengan onak dan duri termasuk yang diadakan oleh kuasa-kuasa luar.

"Kami di rantau Asia Timur sudah amat menyedari akan tindakan kuasa luar untuk memperlahankan pertumbuhan ekonomi kami yang pesat seperti yang terbukti daripada usaha melemahkan mata wang negara-negara tertentu di Asia baru-baru ini," kata beliau.

Selagi negara-negara membangun tidak menentang manipulasi oleh kuasa-kuasa luar itu, mereka tidak akan dapat mencapai potensi mereka dengan sepenuhnya, kata Dr Mahathir dalam ucapan penerimaan anugerah ijazah kehormat Doktor Falsafah Dalam Kemanusiaan oleh Universiti Kebangsaan Mongolia di sini.

Dr T S Gantsog, rektor universiti itu dalam ucapjasa sebelum penyampaian anugerah itu, berkata Dr Mahathir dipilih kerana sumbangannya bagi mempereratkan hubungan antara negara.

Dr Mahathir berada di sini bagi hari terakhir dalam rangka lawatan rasmi empat hari ke Mongolia untuk meningkatkan hubungan ekonomi antara Malaysia dan negara bekas sosialis ini yang sedang menuju ke arah ekonomi pasaran dan memainkan peranan dalam ekonomi global.

Dr Mahathir juga menegaskan pentingnya negara membangun bersatu dan bercakap dengan satu nada dalam era globalisasi dan perubahan teknikal yang pesat untuk menjamin kepentingan mereka diberi perhatian dan pendapat mereka dihormati.

"Dalam persekitaran yang mencabar seumpama ini, negara-negara Selatan perlu mempertingkatkan kerjasama mereka demi kepentingan mereka sendiri," katanya.

Beliau berkata negara membangun termasuk Malaysia menerima hakikat bahawa dunia tidak terhutang apa-apa kepada mereka tetapi mereka hanya mengharapkan wujudnya keadaan saling hormat-menghormati dan persamaan hak.

Beliau berkata sambil dunia menyambut ketibaan alaf baru, ia akan dapat melihat pembahagian kekayaan dan kemakmuran dengan cara yang lebih saksama dan tidak ada negara yang harus disekat daripada memperolehi bahagian yang sewajarnya daripada peluang dan kekayaan dunia termasuk mengusahakan sumber mereka sendiri.

Mengenai Mongolia, Dr Mahathir berkata sudah tiba masanya bagi Malaysia dan negara Asia Tenggara yang lain mengkaji semula anggapan mereka terhadap negara di bahagian utara Asia Timur ini sebagai negara yang "jauh terpencil."

Beliau berkata penerbangan tanpa henti ke Mongolia hanya mengambil masa tujuh jam berbanding dengan 13 jam bagi penerbangan ke London dan 20 jam ke New York, tetapi tempat-tempat itu tidak pula dianggap terpencil.

Beliau berkata Malaysia bersedia untuk bekerjasama dengan Mongolia bagi menghapuskan apa-apa halangan yang memberi gambaran bahawa Mongolia adalah negara terpencil.

Dr Mahathir, yang telah meninjau kawasan desa Mongolia semasa lawatannya, berkata Mongolia merupakan tempat pelancongan yang hebat bagi

pelancong dari Asia Tenggara kerana keindahan persekitarannya yang asli, udara yang nyaman di samping peninggalan sejarah yang gemilang.

"Mongolia hanya memerlukan sedikit pelaburan dalam mengadakan kemudahan tertentu untuk menjadi kurang terpercil lagi," katanya.

Malaysia juga berhasrat menjadikan Mongolia sebagai pusat pengedaran bagi barangan perkilangannya ke pasaran di Rusia timur dan China barat yang bersempadan dengan Mongolia.

Difahamkan anggota delegasi perniagaan yang diketuai Ketua Eksekutif Malaysia Mining Corporation Tan Sri Ibrahim Menudin yang mengiringi Dr Mahathir, sedang mengkaji kemungkinan mengadakan usahasama dalam bidang perlombongan arang batu dan pembuatan barangan pengguna.

Mengenai pengurniaan ijazah kehormat doktor falsafah itu, Dr Mahathir berkata ia merupakan lambang peningkatan hubungan antara Mongolia dan Malaysia, dan lebih bermakna lagi kerana ia bertepatan masanya dengan ulang tajun ke-26 penubuhan hubungan diplomatik antara kedua-dua negara.

Dr Mahathir berlepas dari sini hari ini untuk lawatan kerja selama tiga hari ke Republik Kyrgyz, sebuah negara di Asia Tengah.

-- BERNAMA

ZKS NMO